

Sedia membantu anda bila-bila masa

Daftarkan produk anda dan dapatkan sokongan di
www.philips.com/welcome



HTB4150B



Manual pengguna

PHILIPS

Daftar kandungan

1 Penting	2
Keselamatan	2
Jagaan produk anda	3
Jagaan alam sekitar	3
Amaran kesihatan bagi 3D	3

2 SoundStage anda	4
Unit utama	4
Kawalan jauh	5
Penyambung	6

3 Letakkan SoundStage anda	7
-----------------------------------	---

4 Sambung dan sediakan	8
Sambungkan ke TV	8
Sambungkan audio daripada TV dan peranti lain	10
Sediakan EasyLink (kawalan HDMI-CEC)	11
Sambungkan dan sediakan rangkaian rumah	12

5 Gunakan SoundStage anda	13
Akses menu utama	13
Cakera	14
Mainkan audio menerusi Bluetooth	15
Mainkan muzik melalui NFC	16
Fail data	16
Peranti storan USB	17
Pilihan audio, video, da gambar	17
Radio	19
pemain MP3	19
Semak imbas TV Pintar	20
Semak imbas PC melalui DLNA	21
Karaoke	23
Pilih bunyi	24

6 Tukar tetapan	25
Tetapan bahasa	25
Tetapan gambar dan video	26
Tetapan audio	26
Tetapan kawalan ibu bapa	26
Tetapan paparan	27
Tetapan penjimatan tenaga	27
Tetapan pembesar suara	27
Kembalikan tetapan lalai	27

7 Kemas kinikan perisian	28
Semak versi perisian	28
Kemas kini perisian melalui USB	28
Kemas kini perisian melalui internet	29

8 Spesifikasi produk	29
-----------------------------	----

9 Menyelesaikan masalah	33
--------------------------------	----

10 Notis	36
Hak cipta	36
Perisian sumber terbuka	36
Tanda dagangan	36

11 Kod bahasa	38
----------------------	----

12 Indeks	39
------------------	----

1 Penting

Baca dan faham semua arahan sebelum anda gunakan produk anda. Jika kerosakan terjadi disebabkan oleh kegagalan mematuhi arahan, jaminan tidak dikenakan.

Keselamatan

Risiko kejutan elektrik atau kebakaran!

- Jangan sekali-kali dedahkan produk dan aksesori kepada hujan atau air. Jangan sekali-kali letakkan bekas cecair, seperti pasu, hampir dengan produk. Jika cecair tertumpah pada atau ke dalam produk, putuskan sambungan dengan alur keluar kuasa dengan serta merta. Hubungi Penjagaan Pelanggan Philips agar produk diperiksa sebelum digunakan.
- Jangan sekali-kali letakkan produk dan aksesori berhampiran nyalaan terbuka atau sumber haba lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Jangan sekali-kali masukkan objek ke dalam slot pengalihudaraan atau bukaan lain pada teater rumah.
- Apabila plag sesalurkuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti putus sambungan, peranti putus sambungan tersebut akan tetap sedia beroperasi.
- Bateri (pek bateri atau bateri yang dipasang) tidak boleh didedahkan kepada haba yang melampau seperti cahaya matahari, api atau sebagainya.
- Putuskan sambungan produk daripada alur keluar kuasa jika berlaku ribut petir.
- Apabila anda memutuskan sambungan kord kuasa, sentiasa tarik palamnya, dan bukan kabelnya.

Risiko litar pintas atau kebakaran!

- Sebelum anda menyambungkan produk kepada alur keluar kuasa, pastikan bahawa voltan kuasa sepadan dengan nilai yang dicetak di belakang atau bahagian bawah produk tersebut. Jangan sekali-kali sambungkan produk kepada alur keluar kuasa jika voltannya berbeza.

Risiko kecederaan atau kerosakan pada SoundStage

- Jangan sekali-kali letakkan produk atau sebarang objek pada kord kuasa atau kelengkapan elektrik yang lain.
- Jika produk diangkut dalam suhu di bawah 5°C, buka bungkusan produk dan tunggu sehingga suhunya sepadan dengan suhu bilik sebelum menyambungkannya dengan alur keluar kuasa.
- Sinaran laser boleh nampak dan tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.
- Jangan sentuh kanta optik cakera di dalam petak cakera.
- Bahagian-bahagian produk ini mungkin dibuat daripada kaca. Kendalikan dengan berhati-hati untuk mengelakkan kecederaan dan kerosakan.

Risiko pemanasan melampau!

- Jangan pasang produk dalam ruangan terkurung. Sentiasa tinggalkan ruang sekurang-kurangnya 4 inci di sekeliling produk untuk pengalihudaraan. Pastikan langsir atau objek lain tidak menutup slot pengalihudaraan pada produk tersebut.

Risiko pencemaran!

- Jangan campurkan bateri (lama dengan yang baru, atau karbon dengan alkali, dll.).
- Bahaya letupan jika bateri tidak diganti dengan yang betul. Ganti hanya dengan jenis yang sama atau setara.
- Keluarkan bateri jika telah kehabisan atau jika kawalan jauh tidak akan digunakan buat tempoh masa yang lama.
- Bateri mengandungi bahan kimia, jadi ia hendaklah dilupuskan dengan betul.

Risiko tertelan bateri!

- Produk/alat kawalan jauh mungkin mengandungi bateri jenis syiling/butang, yang boleh ditelan. Jauhkan bateri daripada jangkauan kanak-kanak pada setiap masa! Jika tertelan, bateri ini boleh mengakibatkan kecederaan serius atau kematian. Kelecuran dalaman yang teruk boleh berlaku dalam masa dua jam selepas tertelan bateri ni.
- Jika anda mengesyaki bahawa bateri telah tertelan atau termasuk ke dalam mana-mana bahagian badan, dapatkan rawatan perubatan dengan segera.
- Apabila anda menukar bateri, pastikan semua bateri baru dan lama jauh dari jangkauan kanak-kanak. Pastikan petak bateri telah ditutup dengan kemas selepas anda mengganti bateri.
- Jika petak bateri tidak dapat ditutup dengan kemas, berhenti menggunakan produk ini. Jauhkan ia dari jangkauan kanak-kanak dan hubungi pengeluar.



Ini adalah perkakas CLASS II dengan penepatan berganda, dan tiada perlindungan pembumian dibekalkan.

Jagaan produk anda

- Jangan letakkan sebarang objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.
- Jangan masukkan cakera yang meleding atau merekah ke dalam petak cakera.
- Keluarkan cakera daripada petak cakera jika anda tidak menggunakan produk untuk tempoh masa yang lama.
- Hanya gunakan kain mikrogentian untuk membersihkan produk.

Jagaan alam sekitar



Produk anda direka bentuk dan dikilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen yang berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan semula.

Jangan buang produk anda dengan buangan isi rumah yang lain. Sila ambil tahu tentang peraturan tempatan mengenai pengumpulan berasingan produk elektrik dan elektronik dan bateri. Pembuangan produk ini dengan cara yang betul akan membantu mencegah kemungkinan akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Produk anda mengandungi bateri, yang tidak boleh dibuang bersama buangan isi rumah yang biasa.

Sila ambil tahu tentang peraturan tempatan mengenai pengumpulan berasingan bateri. Cara membuang bateri yang betul akan membantu mencegah kemungkinan akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Sila lawati www.recycle.philips.com untuk maklumat tambahan mengenai pusat kitaran semula di kawasan anda.

Amaran kesihatan bagi 3D

- Jika anda atau keluarga anda mempunyai sejarah mengalami epilepsi atau sawan fotosensitif, jumpalah doktor sebelum mendedahkan diri anda kepada sumber cahaya berkelip, jujukan imej deras atau tontonan 3D.
- Untuk mengelakkan ketidakselesaan seperti pening, sakit kepala atau disorientasi, kami mengesyorkan agar anda tidak menonton 3D dalam tempoh masa yang panjang. Jika anda mengalami sebarang ketidakselesaan, hentikan menonton 3D dan jangan dengan serta merta melakukan perkara yang mungkin berbahaya (seperti memandu

kereta) sehingga gejala telah hilang. Jika gejala berterusan, jangan teruskan menonton 3D tanpa merujuk kepada doktor terlebih dahulu.


- Ibu bapa hendaklah mengawasi anak mereka ketika menonton 3D dan memastikan mereka tidak mengalami ketidakselesaan seperti yang disebutkan di atas. Tontonan 3D tidak disyorkan bagi kanak-kanak di bawah umur enam tahun kerana sistem penglihatan mereka masih belum lagi berkembang dengan sempurna.

2 SoundStage anda

Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk mendapat manfaat sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips (cth. pemberitahuan naik taraf perisian produk), daftarkan produk anda di www.philips.com/welcome.

Unit utama


Bahagian ini mengandungi gambaran keseluruhan unit utama.



- ① Hidupkan SoundStage atau tukar ke mod bersedia.
- ② **SOURCE**
Pilih sumber audio, video, radio atau mod Bluetooth untuk SoundStage.
- ③ **Kompartmen cakera**
- ④ **+/-**
Kurangkan atau naikan kelantangan.
- ⑤ Muatkan atau keluarkan cakera.

Kawalan jauh

Bahagian ini mengandungi gambaran keseluruhan alat kawalan jauh.



1 (Bersedia-Hidup)

- Hidupkan SoundStage atau tukar ke mod bersedia.
- Apabila EasyLink didayakan, tekan dan tahan selama sekurang-kurangnya tiga saat untuk mengalihkan semua peranti

bersambung yang akur HDMI CEC kepada siap sedia.

2 SOURCE

Pilih sumber untuk SoundStage.

3 (Laman utama)

Akses menu utama.

4 MENU CAKERA

- Beralih ke sumber cakera.
- Akses atau keluar daripada menu cakera atau menu timbul ketika anda memainkan cakera.

5 Butang navigasi

- Navigasi menu.
- Dalam mod radio, tekan kiri atau kanan untuk memulakan carian automatik.
- Dalam mod radio, tekan atas atau bawah untuk menala frekuensi radio.

6 OK

Sahkan entri atau pemilihan.

7

- Kembali ke skrin menu sebelumnya.
- Dalam mod radio, tekan dan tahan untuk memadam stesen radio yang telah praset.

8 Butang berwarna

Pilih tugas atau pilihan bagi cakera Blu-ray.

9

Muatkan atau keluarkan cakera.

10 (Main)

Mulakan atau sambung semula main.

11 (Sebelumnya/Seterusnya)

- Langkau ke trek sebelum atau seterusnya, bab atau fail.
- Dalam mod radio, pilih stesen radio pratetap.

12 (Pantas ke Belakang / Pantas ke Hadapan)


Cari ke belakang atau ke hadapan. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.

- ⑬ **☞ (Senyap)**
Bisukan atau pulihkan kelantangan.
- ⑭ **+/- (Kelantangan)**
Naikkan atau kurangkan kelantangan.
- ⑮ **Butang abjad angka**
Masukkan angka atau huruf (menggunakan entri gaya SMS).
- ⑯ **SARIKATA**
Pilih bahasa sari kata bagi video.
- ⑰ **AUDIO**
Pilih bahasa atau saluran audio.
- ⑱ **⏮**
Akses atau keluar daripada pilihan bunyi.
- ⑲ **⏸ (Jeda)**
Jedakan main.
- ⑳ **■**
Hentikan main.
- ㉑ **☰**
- Akses lebih banyak pilihan mainan sambil memainkan cakera atau peranti storan USB.
 - Dalam mod radio, tetapkan stesen radio.
- ㉒ **MENU UTAMA**
Akses menu utama cakera.
- ㉓ **📶**
Tukar ke mod Bluetooth.

Penyambung


Bahagian ini mengandungi gambaran keseluruhan penyambung yang ada pada SoundStage anda.

Penyambung belakang



- ① **FM ANTENNA**
Sambung ke antena FM yang dibekalkan.
- ② **ETHERNET**
Sambung ke input ETHERNET pada modem atau penghala jalur lebar.
- ③ **OPTICAL IN**
Sambung ke output audio optik pada TV atau peranti digital.
- ④ **VIDEO OUT**
Sambung ke input video komposit pada TV.
- ⑤ **AC MAINS~**
Sambung ke bekalan kuasa.
- ⑥ **USB**
- Input audio, video atau gambar daripada peranti storan USB.
 - Akses BD-Live.
- ⑦ **HDMI OUT (ARC)**
Sambung ke input HDMI pada TV.
- ⑧ **AUX IN**
Sambung kepada output audio analog pada TV atau peranti analog.
- ⑨ **COAXIAL IN**
Sambung ke output audio sepaksi pada TV atau peranti digital.

Penyambung sisi



① AUDIO IN

Input audio dari pemain MP3 (bucu 3.5mm).

②

• Input audio, video atau gambar daripada peranti storan USB.

③ MIC 1

Input audio daripada mikrofon.

④ MIC 2

Input audio daripada mikrofon.


3 Letakkan SoundStage anda

SoundStage ini direka bentuk untuk diletakkan di bawah TV anda.


Awas

- SoundStage direka bentuk untuk TV dengan berat yang tidak lebih daripada 22 kg. Jangan letakkan TV jenis CRT di atas SoundStage.
- Jangan letakkan SoundStage di atas kart, dirian, pendakap atau meja yang tidak stabil. Jika tidak, SoundStage mungkin jatuh, menyebabkan kecederaan serius pada kanak-kanak atau orang dewasa serta kerosakan serius pada produk.
- Pastikan bukaan pengudaraan pada panel belakang tidak disekat.
- Jangan ubah kedudukan SoundStage selepas meletakkan TV anda di atasnya.

- 1 Letakkan SoundStage pada mana-mana permukaan yang rata dan stabil berdekatan dengan TV anda. Kemudian letakkan TV anda di atas SoundStage.



- 2 Pastikan tapak TV berada di tengah-tengahnya dan mana-mana pinggirnya tidak tergantung.



Petua

- Jika tapak TV terlalu besar untuk diletakkan di atas SoundStage, letakkan SoundStage di lokasi lain seperti di atas rak terbuka di bawah TV, tetapi pastikan ia dekat dengan TV anda supaya kabel audio boleh dicapai. Anda juga boleh melekapkan TV anda pada dinding di atas SoundStage.
- Jika TV anda disertakan dengan peranti antijongket, pasangkannya mengikut arahan pengilang dan laraskan penambat selepas meletakkan TV di atas SoundStage.
- Jika anda meletakkan SoundStage di dalam kabinet atau di atas rak, untuk prestasi audio optimum, pastikan bahagian hadapan SoundStage berada sedekat yang mungkin dengan pinggir hadapan rak.
- Jika anda menyandarkan SoundStage pada dinding, pastikan terdapat sekurang-kurangnya jarak 1 inci di antara dinding dan bahagian belakang SoundStage.

4 Sambung dan sediakan

Bahagian ini membantu anda menyambungkan SoundStage anda ke TV dan peranti yang lain, kemudian buat persediaannya. Untuk mendapatkan maklumat mengenai sambungan asas SoundStage dan aksesori anda, lihat Panduan permulaan ringkas.



Catatan

- Untuk pengenalan dan pengedaran bekalan, lihat plat jenis di bahagian belakang atau bawah produk.
- Sebelum anda membuat atau menukar sebarang sambungan, pastikan semua peranti telah ditanggalkan daripada alur keluar kuasa.


Sambungkan ke TV

Sambung SoundStage anda kepada TV untuk menonton video. Anda boleh mendengar audio TV menerusi SoundStage anda. Gunakan sambungan kualiti terbaik yang tersedia pada SoundStage dan TV anda.

Pilihan 1: Sambung ke TV melalui HDMI (ARC)

Video dengan kualiti terbaik

SoundStage anda menyokong versi HDMI dengan Saluran Kembali Audio (ARC). Jika TV anda mematuhi HDMI ARC, anda boleh mendengar audio TV menerusi SoundStage anda menggunakan satu kabel HDMI sahaja.




- 1 Menggunakan kabel HDMI Berkelajuan Tinggi, sambung penyambung **HDMI OUT (ARC)** pada SoundStage anda kepada penyambung **HDMI ARC** pada TV.
 - Penyambung **HDMI ARC** pada TV mungkin dilabel dengan cara berbeza. Untuk butiran, lihat manual pengguna TV.
- 2 Pada TV anda, hidupkan operasi HDMI-CEC. Untuk butiran, lihat manual pengguna TV.
 - HDMI-CEC adalah ciri yang membolehkan peranti yang mematuhi CEC yang disambung melalui HDMI untuk dikawal oleh alat kawalan jauh tunggal, seperti kawalan kelantangan untuk kedua-dua TV dan SoundStage.
- 3 Jika anda tidak dapat mendengar audio TV melalui SoundStage anda, buat persediaan audio secara manual (lihat 'Sediakan audio' di halaman 12).

Pilihan 2: Sambungkan ke TV menerusi HDMI standard

Video dengan kualiti terbaik

Jika TV anda tidak patuh HDMI ARC, sambungkan SoundStage anda kepada TV melalui sambungan HDMI standard.



- 1 Menggunakan kabel HDMI Berkelajuan Tinggi, sambung penyambung **HDMI OUT (ARC)** pada SoundStage anda kepada penyambung **HDMI** pada TV.
- 2 Sambungkan kabel audio untuk mendengar audio TV menerusi SoundStage anda (lihat 'Sambungkan audio daripada TV dan peranti lain' di halaman 10).
- 3 Pada TV anda, hidupkan operasi HDMI-CEC. Untuk butiran, lihat manual pengguna TV.
 - HDMI-CEC adalah ciri yang membolehkan peranti yang mematuhi CEC yang disambung melalui HDMI untuk dikawal oleh alat kawalan jauh tunggal, seperti kawalan kelantangan untuk kedua-dua TV dan SoundStage (lihat 'Sediakan EasyLink (kawalan HDMI-CEC)' di halaman 11).
- 4 Jika anda tidak dapat mendengar audio TV melalui SoundStage anda, buat persediaan audio secara manual (lihat 'Sediakan audio' di halaman 12).


Catatan

- Jika TV anda mempunyai penyambung DVI, anda boleh menggunakan penyesuai HDMI/DVI untuk menyambungkan ke TV. Bagaimanapun, sesetengah ciri mungkin tidak tersedia.

Pilihan 3: Menyambung kepada TV melalui video komposit

Video berkualiti asas

Jika TV anda tidak mempunyai penyambung HDMI, gunakan sambungan komposit video. Sambungan komposit tidak menyokong video definisi tinggi.



- 1 Menggunakan kabel video komposit, sambungkan penyambung **VIDEO OUT** pada SoundStage anda kepada penyambung **VIDEO IN** pada TV.
 - Penyambung video komposit mungkin berlabel **AV IN**, **COMPOSITE**, atau **BASEBAND**.
- 2 Sambungkan kabel audio untuk mendengar audio TV menerusi SoundStage anda (lihat 'Sambungkan audio daripada TV dan peranti lain' di halaman 10).
- 3 Apabila anda menonton program TV, tekan **SOURCE** pada SoundStage anda secara berulang untuk memilih input audio yang betul.
- 4 Apabila anda menonton video, alihkan TV anda kepada input video yang betul. Untuk butiran, lihat manual pengguna TV.

Sambungkan audio daripada TV dan peranti lain

Mainkan audio dari TV atau peranti lain melalui SoundStage anda.


Gunakan sambungan kualiti terbaik yang tersedia pada TV anda, SoundStage dan peranti lain.

Catatan

- Apabila SoundStage dan TV anda disambungkan melalui HDMI ARC, sambungan audio tidak diperlukan (lihat 'Pilihan 1: Sambung ke TV melalui HDMI (ARC)' di halaman 8).

Pilihan 1: Sambung audio melalui kabel optik digital


Audio dengan kualiti terbaik



- 1 Menggunakan kabel optik, sambungkan penyambung **OPTICAL IN** pada SoundStage anda ke penyambung **OPTICAL OUT** pada TV atau peranti lain.
 - Penyambung optik digital mungkin berlabel **SPDIF** atau **SPDIF OUT**.

Pilihan 2: Sambungkan audio melalui kabel sepaksi digital

Audio berkualiti baik




- 1 Menggunakan kabel sepaksi, sambungkan penyambung **COAXIAL IN** pada SoundStage anda kepada penyambung **COAXIAL/DIGITAL OUT** pada TV atau peranti lain.
 - Penyambung sepaksi digital mungkin berlabel **DIGITAL AUDIO OUT**.

Pilihan 3: Sambungkan audio melalui kabel audio analog

Audio berkualiti asas

- 1 Menggunakan kabel analog, sambungkan penyambung **AUX IN** pada SoundStage anda kepada penyambung **AUDIO OUT** pada TV atau peranti lain.



Sediakan EasyLink (kawalan HDMI-CEC)

SoundStage ini menyokong EasyLink Philips, yang menggunakan protokol HDMI-CEC (Kawalan Elektronik Pengguna). Peranti yang akur EasyLink yang bersambung melalui HDMI boleh dikawal dengan alat kawalan jauh yang sama.

Catatan

- Bergantung pada pengilang, HDMI-CEC dikenali dengan banyak nama. Untuk mendapat maklumat mengenai peranti anda, lihat manual pengguna peranti.
- Philips tidak menjamin 100% kesalingfungsian dengan semua peranti HDMI-CEC.

Sebelum anda bermula

- Sambungkan SoundStage anda ke peranti yang serasi dengan HDMI-CEC melalui sambungan HDMI.
- Buat sambungan yang diperlukan seperti yang diterangkan dalam panduan permulaan ringkas dan kemudian tukar TV ke sumber yang betul untuk SoundStage anda.

Dayakan EasyLink

- 1 Tekan **▲**.
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[EasyLink] > [EasyLink] > [Hidup]**.
- 4 Pada TV anda dan peranti lain yang bersambung, hidupkan kawalan HDMI-CEC. Untuk mendapatkan butiran, lihat manual pengguna TV atau peranti lain.
 - Pada TV anda, tetapkan output audio kepada 'Amplifier' (dan bukannya pembesar suara TV). Untuk butiran, lihat manual pengguna TV.

Kawalan EasyLink

Dengan EasyLink, anda boleh mengawal SoundStage, TV dan peranti anda yang serasi dengan HDMI-CEC bersambung yang lain dengan satu alat kawalan jauh.

- **[Main Satu Sentuhan]** (Mainan satu sentuhan): Apabila cakera video di dalam petak cakera, tekan **▶** untuk membangunkan TV daripada siap sedia, dan kemudian mainkan cakera.
- **[Siap Sedia Satu Sentuhan]** (Siap sedia satu sentuhan): Jika siap sedia satu sentuhan didayakan, SoundStage anda boleh beralih ke mod siap sedia dengan alat kawalan jauh TV atau peranti HDMI-CEC yang lain.
- **[Kawalan Audio Sistem]** (Kawalan audio sistem): Jika kawalan audio sistem didayakan, audio daripada peranti bersambung dikeluarkan melalui SoundStage anda secara automatik apabila anda memainkan peranti tersebut.
- **[Pemetaan Input Audio]** (Pemetaan input audio): Jika kawalan audio sistem tidak berfungsi, petakan peranti yang bersambung ke penyambung input audio yang betul pada SoundStage anda (lihat 'Sediakan audio' di halaman 12).

- Untuk menukar tetapan kawalan EasyLink, tekan , pilih **[Persediaan]** > **[EasyLink]**.

Sediakan audio

Jika anda tidak boleh mendengar output audio peranti yang disambungkan melalui SoundStage anda, lakukan yang berikut:

- Periksa sekiranya anda telah mendayakan EasyLink pada semua peranti, (lihat 'Dayakan EasyLink' di halaman 11) dan
- pada TV anda, tetapkan output audio kepada 'Amplifier' (dan bukannya pembesar suara TV). Untuk butiran, lihat manual pengguna TV, dan
- sediakan kawalan audio EasyLink.

1 Tekan .

2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.

3 Pilih **[EasyLink]** > **[Kawalan Audio Sistem]** > **[Hidup]**.

- Untuk memainkan audio daripada pembesar suara TV, pilih **[Mati]**, dan langkau langkah berikut.

4 Pilih **[EasyLink]** > **[Pemetaan Input Audio]**.

5 Ikuti arahan pada skrin untuk memetakan peranti bersambung ke input audio pada SoundStage anda.

- Jika anda menyambungkan SoundStage anda ke TV menerusi sambungan **HDMI ARC**, pastikan audio TV telah dipetakan kepada input ARC pada SoundStage anda.

Sambungkan dan sediakan rangkaian rumah

Sambungkan SoundStage anda ke penghala rangkaian untuk persediaan rangkaian, dan nikmatilah:

- Kandungan multimedia distrim (lihat 'Semak imbas PC melalui DLNA' di halaman 21)
- Smart TV (lihat 'Semak imbas TV Pintar' di halaman 20)
- Aplikasi BD Live (lihat 'BD-Live pada Blu-ray' di halaman 15)
- Kemas kini perisian (lihat 'Kemas kini perisian melalui internet' di halaman 29)



Awas

- Biasakan diri anda dengan penghala rangkaian, perisian pelayan media dan prinsip rangkaian. Jika perlu, baca dokumentasi yang mengiringi komponen rangkaian. Philips tidak bertanggungjawab atas data yang hilang, rosak atau tercemar.


Sebelum anda bermula

- Bagi TV Pintar dan kemas kini perisian, pastikan penghala rangkaian mempunyai akses ke Internet dengan sambungan berkelajuan tinggi dan tidak disekat oleh tembok api atau sistem keselamatan yang lain.
- Buat sambungan yang diperlukan seperti yang diterangkan dalam panduan permulaan ringkas dan kemudian tukar TV ke sumber yang betul untuk SoundStage anda.

Sediakan rangkaian berwayar

Apa yang anda perlukan

- Kabel rangkaian (kabel lurus RJ45).
- Penghala rangkaian (dengan DHCP didayakan).



- 1 Menggunakan kabel rangkaian, sambungkan penyambung **ETHERNET** pada SoundStage anda ke penghala rangkaian.
- 2 Tekan **⬆️**.
- 3 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih **[Rangkaian] > [Pemasangan rangkaian] > [Berwayar (Ethernet)]**.
- 5 Ikut arahan pada skrin untuk menyelesaikan persediaan.
 - Jika sambungan gagal, pilih **[Cuba lagi]**, kemudian tekan **OK**.
- 6 Pilih **[Selesai]**, dan kemudian tekan **OK** untuk keluar.
 - Untuk melihat tetapan rangkaian, pilih **[Persediaan] > [Rangkaian] > [Lihat tetapan rangkaian]**.

Peribadikan nama rangkaian

Berikan nama kepada SoundStage anda agar mudah untuk anda mengecamnya pada rangkaian rumah anda.

- 1 Tekan **⬆️**.
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Rangkaian] > [Namai Produk anda:]**.
- 4 Tekan **Butang abjad angka** untuk memasukkan namanya.
- 5 Pilih **[Selesai]**, dan kemudian tekan **OK** untuk keluar.

5 Gunakan SoundStage anda

Bahagian ini membantu anda menggunakan SoundStage untuk memainkan media daripada pelbagai sumber:

Sebelum anda bermula

- Buat sambungan yang diperlukan seperti yang digambarkan dalam Panduan mula pantas dan Manual pengguna.
- Tukar TV ke sumber yang betul bagi SoundStage.

Akses menu utama

Menu utama menyediakan akses mudah ke peranti bersambung, persediaan dan ciri lain yang berguna pada SoundStage anda.

- 1 Tekan **⬆️**.
↳ Menu utama dipaparkan.
- 2 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih yang berikut:
 - **[Main Cakera]**: Mulakan mainan cakera.
 - **[semak imbas USB]**: Akses penyemak imbas kandungan USB.
 - **[Smart TV]**: Akses Smart TV.
 - **[semak imbas PC]**: Akses penyemak imbas kandungan komputer.
 - **[Persediaan]**: Akses menu untuk menukar video, audio dan tetapan lain.
- 3 Tekan **⬆️** untuk keluar.

Cakera

SoundStage anda boleh memainkan cakera DVD,VCD, CD dan Blu-ray. Ia juga boleh memainkan cakera yang anda buat sendiri, seperti cakera CD-R yang mengandungi foto, video dan muzik.

- 1 Masukkan cakera ke dalam SoundStage.
- 2 Jika cakera tidak dimainkan secara automatik, tekan **MENU CAKERA** untuk memilih sumber cakera atau pilih **[Main Cakera]** daripada menu utama.
- 3 Gunakan alat kawalan jauh untuk mengawal mainan (lihat 'Mainkan butang' di halaman 14).
 - Sedikit bunyi bising memang biasa kedengaran ketika anda memainkan cakera Blu-ray. Ini tidak bermakna SoundStage anda rosak.

Mainkan butang

Butang	Tindakan
Butang navigasi	Navigasi menu. Atas/Bawah: Putar gambar mengikut arah jam atau melawan arah jam.
OK	Sahkan entri atau pemilihan.
▶ (Main)	Mulakan atau sambung semula main.
	Jedapan main.
■	Hentikan main.
▲	Muatkan atau keluarkan cakera.
◀ / ▶	Langkau ke trek sebelum atau seterusnya, bab atau fail.
◀◀ / ▶▶	Carian pantas ke belakang atau ke hadapan. Apabila video di jeda, carian perlahan ke belakang atau ke hadapan.
SARIKATA	Pilih bahasa sari kata bagi video.
MENU CAKERA	Akses atau keluar daripada menu cakera.
TOP MENU	Akses menu utama cakera.

Butang	Tindakan
☰	Akses pilihan lanjutan apabila anda memainkan fail audio, video, atau media anda (lihat 'Pilihan audio, video, da gambar' di halaman 17).

Segerakkan video dengan bunyi

Jika audio dan video tidak segerak, tunda audio agar sepadan dengan video.

- 1 Tekan **☰**.
- 2 Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk memilih **[Audio sync]**, dan kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (naik/turun) untuk menyegerak audio dengan video.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Mainkan cakera 3D Blu-ray

SoundStage anda boleh memainkan video 3D Blu-ray. Baca amaran kesihatan 3D sebelum memainkan cakera 3D.

Apa yang anda perlukan

- TV 3D
- Sepasang kaca mata 3D yang serasi dengan TV 3D anda
- Video 3D Blu-ray
- Kabel HDMI kelajuan tinggi


- 1 Menggunakan kabel HDMI berkelajuan tinggi, sambungkan SoundStage anda ke TV yang serasi dengan 3D.
- 2 Pastikan tetapan video 3D didayakan. Tekan **🏠**, pilih **[Persediaan]** > **[Video]** > **[Tonton video 3D]** > **[Auto]**.
 - Untuk memainkan cakera 3D dalam mod 2D, pilih **[Matij]**.
- 3 Mainkan cakera Blu-ray 3D dan pakai cermin mata 3D.
 - Semasa carian video dan dalam mod mainan tertentu, video dipaparkan dalam 2D. Paparan video kembali ke 3D apabila anda meneruskan mainan.

Catatan

- Untuk mengelakkan kertipan, ubah kecerahan paparan.

Bonus View pada Blu-ray

Pada cakera Blu-ray yang menyokong Bonus View, alami kandungan tambahan seperti ulasan dalam tettingkap skrin kecil. Bonus View juga dikenali sebagai gambar dalam gambar.

- 1 Dayakan Bonus View dalam menu cakera Blu-ray.
- 2 Semasa anda memainkan filem, tekan .
↳ Menu pilihan dipaparkan.
- 3 Pilih **[Pilihan PIP]** > **[PIP]**.
 - Bergantung pada video, menu PIP [1] atau [2] akan dipaparkan.
 - Untuk menahdayakan Bonus View, pilih **[Mati]**.
- 4 Pilih **[Bahasa audio ke-2]** atau **[Bahasa sari kata ke-2]**.
- 5 Pilih bahasa, kemudian tekan **OK**.


BD-Live pada Blu-ray

Pada cakera Blu-ray dengan kandungan BD-Live, akses ciri tambahan, seperti bualan internet dengan pengarah, gazet wayang terkini, permainan, kertas hias dinding, dan nada dering. Perkhidmatan dan kandungan BD-Live berbeza dari satu cakera ke cakera lain.

Apa yang anda perlukan

- Cakera Blu-ray dengan kandungan BD-Live
- peranti storan USB, dengan sekurang-kurangnya 1GB memori.

- 1 Sambungkan SoundStage anda ke rangkaian rumah menggunakan akses Internet.
- 2 Sambungkan peranti storan USB ke penyambung **USB** di bahagian belakang SoundStage anda untuk memuat turun BD-Live.

- 3 Tekan  dan pilih **[Persediaan]** > **[Lanjutan]** > **[Keselamatan BD-Live]** > **[Mati]**.


- Untuk menahdayakan BD-Live, pilih **[Hidup]**.

- 4 Pilih ikon BD-Live pada menu cakera, kemudian tekan **OK**.

- ↳ BD-Live mula dimuatkan. Masa memuat bergantung pada cakera dan sambungan internet anda.

- 5 Tekan **Butang navigasi** untuk menavigasi BD-Live dan kemudian tekan **OK** untuk memilih pilihan.

Catatan


- Untuk mengosongkan memori pada peranti storan, tekan , pilih **[Persediaan]** > **[Lanjutan]** > **[Kosongkan memori]**.

Mainkan audio menerusi Bluetooth

Menerusi Bluetooth, sambungkan SoundStage menggunakan peranti Bluetooth anda (seperti iPad, iPhone, iPod touch, telefon Android atau komputer riba), kemudian anda boleh mendengar fail audio yang disimpan pada peranti menerusi pembesar suara SoundStage anda.

Apa yang anda perlukan

- Peranti Bluetooth yang menyokong profil A2DP, AVRCP Bluetooth dan dengan versi Bluetooth 2.1 + EDR.
- Jarak operasi antara SoundStage dan peranti Bluetooth adalah lebih kurang 10 meter (30 kaki).

- 1 Tekan  untuk memilih mod Bluetooth.
↳ **[BT]** dipaparkan pada panel paparan.

- 2 Pada peranti Bluetooth, hidupkan Bluetooth, cari dan pilih nama SoundStage anda untuk memulakan sambungan (lihat manual pengguna bagi peranti Bluetooth mengenai cara mendayakan Bluetooth).
 - Jika digesa untuk kata laluan, masukkan "0000".
- 3 Tunggu sehingga anda mendengar bunyi bip dari produk ini.
 - ↳ Apabila sambungan Bluetooth berjaya, **[BT_RE]** dipaparkan pada panel paparan.
 - ↳ Jika sambungan gagal, **[BT]** pada panel paparan akan masih dipaparkan.
- 4 Pilih dan mainkan fail audio atau muzik pada peranti Bluetooth anda.
 - Semasa dimainkan, jika ada panggilan masuk, muzik akan dijeda.
 - Jika penstriman muzik terganggu, letakkan peranti Bluetooth lebih dekat dengan SoundStage.
- 5 Untuk keluar daripada Bluetooth, pilih sumber lain.
 - Apabila anda bertukar kembali kepada mod Bluetooth, sambungan Bluetooth kekal aktif.

Catatan

- Penstriman muzik mungkin diganggu oleh halangan di antara peranti dan SoundStage, seperti dinding, bekas metalik yang menutupi peranti atau peranti berdekatan lain yang beroperasi dalam frekuensi yang sama.
- Jika anda ingin menyambungkan SoundStage anda dengan peranti Bluetooth yang lain, tekan dan tahan ► pada alat kawalan jauh untuk memutuskan sambungan peranti Bluetooth yang sedang disambungkan.

Mainkan muzik melalui NFC

NFC (Komunikasi Medan Dekat) ialah teknologi yang membolehkan komunikasi wayarles jarak dekat antara peranti didayakan NFC, seperti telefon mudah alih.

Apa yang anda perlukan

- Peranti Bluetooth dengan fungsi NFC.
- Untuk melakukan berpasangan, ketik peranti NFC pada tag **NFC** produk ini.
- Jarak operasi di antara unit utama (pembesar suara kiri dan kanan) dan peranti NFC adalah lebih kurang 10 meter (30 kaki).

- 1 Dayakan NFC pada peranti Bluetooth anda (lihat manual pengguna peranti anda untuk mendapatkan butiran).
- 2 Ketik peranti NFC pada tag **NFC** produk ini sehingga anda mendengar bunyi bip daripada produk ini.
 - ↳ Peranti NFC disambungkan ke produk ini melalui Bluetooth. **[BT]** akan dipaparkan.
- 3 Pilih dan mainkan fail audio atau muzik pada peranti NFC anda.
 - Untuk memutuskan sambungan, ketik peranti NFC sekali lagi dengan tag **NFC** pada produk ini.

Fail data

SoundStage anda boleh memainkan gambar, fail audio dan video yang terkandung dalam cakera atau peranti storan USB. Sebelum anda memainkan fail, semak sama ada format fail tersebut disokong oleh SoundStage anda (lihat 'Format fail' di halaman 30).

- 1 Mainkan fail dari cakera atau peranti storan USB.
- 2 Untuk menghentikan mainan, tekan **■**.
 - Untuk meneruskan tontonan video dari tempat anda berhenti, tekan **▶**.
 - Untuk memainkan video dari mula, tekan **OK**.

Catatan


- Untuk memainkan fail DivX yang dilindungi DRM, sambungkan SoundStage anda ke TV melalui kabel HDMI.

Sari kata

Jika video anda mengandungi sari kata dalam berbilang bahasa, pilih satu bahasa sari kata.

Catatan

- Pastikan fail sari kata mempunyai nama fail yang betul-betul sama dengan fail video. Contohnya, jika fail video bernama 'movie.avi', namakan fail sari kata sebagai 'movie.srt' atau 'movie.sub'.
- SoundStage anda menyokong format fail yang berikut: .srt, .sub, .txt, .ssa, .ass, .smi dan .sami. Jika sari kata tidak muncul dengan betul, tukar set aksara.

- 1 Semasa memainkan video, tekan **SARIKATA** untuk memilih bahasa.
- 2 Bagi video DivX, jika sari kata tidak muncul dengan betul, teruskan langkah-langkah berikut untuk menukar set aksara.
- 3 Tekan .
↳ Menu pilihan dipaparkan.
- 4 Pilih [**Set aksara**], lalu pilih set aksara yang menyokong sari kata.

Set Aksara	Bahasa
[Standard]	Inggeris, Albania, Denmark, Belanda, Finland, Perancis, Gaelic, Jerman, Itali, Kurdistan (Latin), Norway, Portugis, Sepanyol, Sweden dan Turki
[Bahasa China]	Cina Mudah
[Bahasa China-Tradisional]	Cina Tradisional
[Bahasa Korea]	Inggeris dan Korea

Kod VOD bagi DivX

Sebelum anda membeli video DivX dan memainkannya pada SoundStage anda, daftarkan SoundStage anda di www.divx.com menggunakan kod DivX VOD.

- 1 Tekan .

- 2 Pilih [**Persediaan**], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [**Lanjutan**] > [**Kod VOD DivX®**].
↳ Kod pendaftaran DivX VOD bagi SoundStage anda akan dipaparkan.

Peranti storan USB



Nikmati gambar, audio dan video yang disimpan pada peranti storan USB seperti pemain MP4 atau kamera digital.

Apa yang anda perlukan

- Peranti storan USB yang telah diformat bagi sistem fail FAT, DOS atau NTFS, dan mematuhi Kelas Penyimpanan Massa.
- Fail media merupakan salah satu format fail yang disokong (lihat 'Format fail' di halaman 30).

Catatan

- Jika anda menggunakan kabel sambungan USB, USB HUB, atau pembaca berbilang USB, peranti storan USB mungkin tidak akan dikenali.


- 1 Sambungkan peranti storan USB ke penyambung  (USB) pada SoundStage anda.
- 2 Tekan .
- 3 Pilih [**semak imbas USB**], kemudian tekan **OK**.
↳ Penyemak imbas kandungan dipaparkan.
- 4 Pilih fail, kemudian tekan **OK**.
- 5 Tekan butang-butang mainan untuk mengawal mainan (lihat 'Mainkan butang' di halaman 14).

Pilihan audio, video, da gambar

Gunakan ciri lanjutan apabila anda memainkan gambar, fail audio dan video dari cakera atau peranti storan USB.


Pilihan audio

Semasa memainkan audio, ulangi trek, cakera atau folder audio.

- 1 Tekan  berulang kali untuk beralih antara fungsi-fungsi berikut:
 - Ulangi trek atau fail semasa.
 - Ulangi semua trek pada cakera atau folder.
 - Matikan mod ulangan.

Pilihan video


Semasa menonton video, pilih pilihan seperti sari kata, bahasa audio, carian masa, dan tetapan gambar. Bergantung kepada sumber video, beberapa pilihan tidak tersedia.

- 1 Tekan 
 - ↳ Menu pilihan video dipaparkan.
- 2 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - **[Maklumat]:** Memaparkan maklumat mengenai apa yang sedang dimainkan.
 - **[Bahasa audio]:** Pilih bahasa sari kata bagi audio.
 - **[Bahasa sari kata]:** Pilih bahasa sari kata bagi video.
 - **[Anjakan sari kata]:** Laraskan kedudukan sari kata pada skrin.
 - **[Set aksara]:** Pilih set aksara yang menyokong sari kata DivX.
 - **[Carian masa]:** Langkau ke bahagian tertentu video dengan memasukkan masa adegan.
 - **[Bahasa audio ke-2]:** Pilih bahasa audio kedua bagi video Blu-ray.
 - **[Bahasa sari kata ke-2]:** Pilih bahasa sari kata kedua bagi video Blu-ray.
 - **[Tajuk]:** Pilih tajuk tertentu.
 - **[Bab]:** Pilih bab tertentu.
 - **[Karaoke]:** Laraskan tetapan karaoke.
 - **[Senarai sudut]:** Pilih sudut kamera yang berbeza.
 - **[Menu]:** Paparkan menu cakera.

- **[Pilihan PIP]:** Paparkan tetapkan Gambar dalam Gambar ketika memainkan cakera 3D Blu-ray yang menyokong Bonus View.
- **[Zum]:** Zum kepada adegan video atau gambar. Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk memilih faktor zum.
- **[Ulang]:** Ulangi bab atau tajuk.
- **[Ulang A-B]:** Tandakan dua titik dalam bab atau trek untuk mengulangi mainan, atau matikan mod ulangan.
- **[Tetapan gambar]:** Pilih tetapan warna yang telah dipraktakrif.





Pilihan gambar

Semasa melihat gambar, zum ke dalam gambar, putarkan, tambah animasi kepada tayangan slaid, dan tukar tetapan gambar.

- 1 Tekan 
 - ↳ Menu pilihan gambar akan muncul.
- 2 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan menukar tetapan berikut:
 - **[Maklumat]:** Paparkan maklumat gambar.
 - **[Putar +90]:** Putar gambar 90 darjah mengikut arah jam.
 - **[Putar -90]:** Putar gambar 90 darjah melawan arah jam.
 - **[Zum]:** Zum kepada adegan video atau gambar. Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk memilih faktor zum.
 - **[Tempoh setiap slaid]:** Pilih kelajuan paparan setiap gambar dalam tayangan slaid.
 - **[Animasi slaid]:** Pilih animasi bagi tayangan slaid.
 - **[Tetapan gambar]:** Pilih tetapan warna yang telah dipraktakrif.
 - **[Ulang]:** Ulang folder yang dipilih.

Tayangan slaid muzikal

Jika gambar atau fail audio daripada cakera yang sama atau peranti storan USB, anda boleh membuat tayangan slaid muzikal.

- 1 Pilih trek audio, kemudian tekan **OK**.
- 2 Tekan , dan pergi ke folder gambar.
- 3 Pilih gambar, dan kemudian tekan  untuk memulakan tayangan slaid.
- 4 Tekan  untuk menghentikan pertunjukan slaid.
- 5 Tekan  sekali lagi untuk menghentikan muzik.

Catatan


- Pastikan format gambar dan audio disokong oleh SoundStage anda (lihat 'USB' di halaman 32).

Radio








Dengar radio FM pada SoundStage anda, dan simpan sehingga 40 stesen radio.

Catatan

- Radio AM dan digital tidak disokong.
- Jika tiada isyarat stereo dikesan, anda akan digesa untuk memasang stesen radio sekali lagi.



- 1 Sambungkan antena FM ke **FM ANTENNA** pada SoundStage anda.
 - Untuk penerimaan terbaik, letakkan antena jauh daripada TV atau sumber sinaran lain.
- 2 Tekan **SOURCE** berulang kali untuk memilih sumber radio.
 - ↳ Jika anda telah pun memasang stesen radio, saluran terakhir yang anda dengar akan dimainkan.
 - ↳ Jika anda belum lagi memasang sebarang stesen radio, mesej [AUTO INSTALL...PRESS PLAY] akan muncul pada panel paparan. Tekan  untuk memasang stesen radio.
- 3 Gunakan alat kawalan jauh untuk memilih atau menukar stesen radio.

Mainkan butang

Butang	Tindakan
	Pilih stesen radio pratetap. atau
Butang abjad angka	
Butang navigasi	Kiri/Kanan: Cari stesen radio. Atas/Bawah: Tala haluskan frekuensi radio.
	Tekan untuk menghentikan pemasangan stesen radio.
	Tekan dan tahan untuk memadam stesen radio pratetap.
	Manual: 1) Tekan  . 2) Tekan  untuk memilih praset anda. 3) Tekan  sekali lagi untuk menyimpan stesen radio. Automatik: Tekan dan tahan selama tiga saat untuk memasang semula stesen radio.
AUDIO	Togol antara bunyi stereo dan mono.

Grid penalaan

Di sesetengah negara, anda boleh togol grid talaan FM antara 50 kHz dan 100 kHz.

- 1 Tekan **SOURCE** berulang kali untuk memilih sumber radio.
- 2 Tekan .
- 3 Tekan dan tahan  untuk togol antara 50 kHz atau 100 kHz.

pemain MP3

Sambungkan pemain MP3 untuk memainkan fail audio.

Apa yang anda perlukan

- Pemain MP3.
- Kabel audio stereo 3.5mm.

- 1 Menggunakan kabel audio stereo 3.5mm, sambungkan pemain MP3 ke penyambung **AUDIO IN** pada SoundStage anda.
 - Jika anda menggunakan kabel audio stereo 6.5mm, sambungkan pemain MP3 ke SoundStage anda menggunakan bicu penukar 3.5mm - 6.5mm.
- 2 Tekan **SOURCE** berulang kali sehingga **[AUDIO]** muncul pada panel paparan.
- 3 Gunakan butang pada pemain MP3 anda untuk memilih dan memainkan fail audio.


Semak imbas TV Pintar

Gunakan TV Pintar untuk mengakses beraneka aplikasi internet dan laman web internet yang disesuaikan khusus.




Untuk perbincangan interaktif mengenai perkhidmatan TV Pintar, lawati forum TV Pintar di www.supportforum.philips.com

Catatan

- Koninklijke Philips Electronics N.V. tidak menanggung tanggungjawab terhadap kandungan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan TV Pintar.

- 1 Sambungkan SoundStage anda ke rangkaian rumah dengan akses Internet berkelajuan tinggi (lihat 'Sambungkan dan sediakan rangkaian rumah' di halaman 12).
- 2 Tekan .
- 3 Pilih **[Smart TV]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Ikuti arahan atas skrin untuk mengesahkan mesej atas skrin.
 - ↳ Laman utama TV Pintar dipaparkan.
- 5 Gunakan alat kawalan jauh untuk memilih aplikasi dan masukkan teks (seperti alamat e-mel, web URL, kata laluan, dsb).



Navigasi TV Pintar

Butang	Tindakan
Butang navigasi	Pilih aplikasi atau navigasi.
OK	Sahkan entri atau pemilihan. Akses ke papan kekunci atas skrin untuk memasukkan teks.
	Kembali ke halaman sebelumnya. Padamkan aksara dalam mana-mana kotak masukan teks.
	Akses pilihan yang berkaitan dengan aktiviti semasa.
Butang abjad angka	Masukkan aksara ke dalam kotak masukan teks.
Butang berwarna (Merah)	Akses ke papan kekunci atas skrin untuk memasukkan teks.
	Keluar dari portal TV Pintar dan kembali ke menu utama.

Gunakan papan kekunci atau tetikus USB-HID

Apa yang anda perlukan


- Hab USB berwayar atau wayarles, papan kekunci atau tetikus yang mematuhi kelas Reka Bentuk Antara Muka Manusia (USB-HID).

- 1 Sambungkan papan kekunci atau tetikus USB ke penyambung  (**USB**) pada SoundStage anda.
 - Untuk menyambungkan peranti USB wayarles, sambungkan penerima wayarles ke penyambung USB pada SoundStage anda. Rujuk manual pengguna peranti USB wayarles bagi mendapatkan butirannya.
- 2 Tekan .
- 3 Pilih **[Keutamaan]** > **[Susun atur kekunci]**.
- 4 Pilih bahasa.
 - ↳ Papan kekunci standard bagi bahasa itu telah didayakan.

- 5 Gunakan Papan kekunci untuk menaip aksara, atau tetikus untuk menavigasi halaman web.
- Kursor tetikus USB-HID tidak berfungsi pada TV Pintar dan membuka halaman internet.
 - Kekunci multimedia pada sesetengah papan kekunci tidak disokong.

Kosongkan memori penyemak imbas

Kosongkan sejarah penyemak imbas untuk memadamkan kata laluan, kuki dan data pengimbasan daripada SoundStage anda.



- 1 Tekan .
- 2 Pilih [**Persediaan**], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [**Rangkaian**] > [**Kosongkan memori Smart TV**].
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Sewa video dalam talian


Sewa video daripada kedai dalam talian, melalui SoundStage anda. Anda boleh menontonnya serta-merta atau kemudian.

Banyak kedai video dalam talian menawarkan berbagai pilihan video, dengan harga, tempoh, dan syarat sewaan yang berbeza. Bagi sesetengah kedai, anda perlu membuat akaun sebelum anda boleh menyewa.

Apa yang anda perlukan

- peranti storan USB, dengan sekurang-kurangnya 8 GB memori.
- 1 Sambungkan SoundStage anda ke rangkaian rumah dengan akses Internet berkelajuan tinggi (lihat 'Sambungkan dan sediakan rangkaian rumah' di halaman 12).
 - 2 Masukkan peranti storan USB kosong ke dalam slot  (USB) pada SoundStage anda dan ikuti arahan pada skrin untuk memformatkan peranti USB tersebut.
 - Selepas selesai diformat, biarkan peranti storan USB di dalam slot  (USB).

- Selepas selesai diformat, peranti storan USB tidak lagi akan serasi dengan komputer atau kamera, melainkan diformatkan sekali lagi menggunakan sistem pengendalian Linux.

- 3 Tekan .
- 4 Pilih [**Smart TV**], kemudian tekan **OK**.
↳ Perkhidmatan dalam talian yang terdapat di negara anda akan dipaparkan.
- 5 Pilih kedai video lalu tekan **OK**.
- 6 Ikuti arahan atas skrin untuk menyewa atau menonton video. Jika digesa, masukkan maklumat perlu bagi mendaftar atau mengelog masuk ke akaun kedai ini.
↳ Video dimuat turun pada peranti storan USB anda. Anda hanya boleh menontonnya pada SoundStage anda.
- 7 Tekan butang main balik untuk mengawal mainan (lihat 'Mainkan butang' di halaman 14).
 - Jika anda tidak dapat memainkan video, periksa format fail untuk memastikan yang format video disokong oleh SoundStage anda.

Semak imbas PC melalui DLNA

Akses dan mainkan gambar, fail audio dan video dari komputer atau pelayan media pada rangkaian rumah melalui SoundStage anda.

Sebelum anda bermula

- Pasang aplikasi pelayan media yang patuh DLNA pada peranti anda. Pastikan bahawa anda memuat turun aplikasi yang paling sesuai untuk anda. Contohnya,
 - Windows Media Player 11 atau lebih tinggi bagi PC
 - Twonky Media Server untuk Mac atau PC

- Dayakan perkongsian media bagi fail. Untuk memudahkan penggunaan, kami telah menyertakan langkah-langkah perlu bagi aplikasi berikut:
 - Windows Media Player 11 (lihat 'Microsoft Windows Media Player 11' di halaman 22)
 - Windows Media Player 12 (lihat 'Microsoft Windows Media Player 12' di halaman 22)
 - Twonky Media bagi Mac (lihat 'Macintosh OS X Twonky Media (v4.4.2)' di halaman 23)

Catatan

- Untuk mendapatkan bantuan tambahan mengenai aplikasi ini atau pelayan media lain, periksa manual pengguna perisian pelayan media.

Sediakan perisian pelayan media.

Untuk mendayakan perkongsian media, sediakan perisian pelayan media.

Sebelum anda bermula

- Sambungkan SoundStage anda pada rangkaian rumah. (lihat 'Sambungkan dan sediakan rangkaian rumah' di halaman 12) Untuk mendapat kualiti video yang lebih baik, sebaik-baiknya gunakan sambungan berwayar.
- Sambungkan komputer dan peranti serasi DLNA yang lain kepada rangkaian rumah yang sama.
- Pastikan bahawa tembok api PC anda membenarkan anda menjalankan program Media Player (atau senarai pengecualian tembok api mengandungi perisian pelayan media).
- Hidupkan komputer anda dan penghal.

Microsoft Windows Media Player 11

- 1 Mulakan Windows Media Player pada PC anda.
- 2 Klik tab **Library**, dan kemudian pilih **Media Sharing**.

- 3 Kali pertama anda memilih **Media Sharing** pada PC anda, skrin pop timbul akan muncul. Tandakan kotak **Share my media** dan klik **OK**.

↳ Skrin **Media Sharing** dipaparkan.

- 4 Pada skrin **Media Sharing**, pastikan anda dapat melihat peranti bertanda **Unknown Device**.

↳ Jika anda tidak dapat melihat peranti yang tidak dikenali selepas lebih kurang seminit, pastikan tembok PC anda tidak menyekat sambungan ini.

- 5 Pilih peranti yang tidak dikenali dan klik **Allow**.

↳ Tanda semak hijau akan muncul bersebelahan peranti.

- 6 Secara lalai, Windows Media Player berkongsi fail daripada folder ini: **My Music**, **My Pictures**, dan **My Videos**. Jika fail anda dalam fail lain, pilih **Library > Add to Library**.

↳ Skrin **Add to Library** akan dipaparkan.

- Jika perlu, pilih **Advanced options** untuk memaparkan senarai folder yang dipantau.

- 7 Pilih **My folders and those of others I can access**, dan kemudian klik **Add**.

- 8 Ikuti arahan pada skrin untuk menambah folder lain yang mengandungi fail media anda.

Microsoft Windows Media Player 12

- 1 Mulakan Windows Media Player pada PC anda.
- 2 Pada Windows Media Player, klik tab **Stream**, dan kemudian pilih **Turn on media streaming**.
 - ↳ Skrin **Media streaming options** akan dipaparkan.
- 3 Klik **Turn on media streaming**.
 - ↳ Anda kembali ke skrin Windows Media Player.

- 4 Klik tab **Stream** dan pilih **More streaming options**.
↳ Skrin **Media streaming options** akan dipaparkan.
- 5 Pastikan anda dapat melihat program media pada skrin **Local network**.
↳ Jika anda tidak dapat melihat program media, pastikan bahawa tembok api PC anda tidak menyekat sambungan ini.
- 6 Pilih program media ini dan klik **Allowed**.
↳ Anak panah hijau akan muncul bersebelahan program media.
- 7 Secara lalai, Windows Media Player berkongsi fail daripada folder ini: **My Music**, **My Pictures**, dan **My Videos**. Jika fail anda terletak dalam folder lain, klik tab **Organize** dan pilih **Manage libraries > Music**.
↳ Skrin **Music Library Locations** dipaparkan.
- 8 Ikuti arahan pada skrin untuk menambah folder lain yang mengandungi fail media anda.

Macintosh OS X Twonky Media (v4.4.2)

- 1 Lawati www.twonkymedia.com untuk membeli perisian ini, atau memuat turun percubaan percuma 30 hari ke komputer Macintosh anda.
- 2 Mulakan Twonky Media pada Macintosh.
- 3 Pada skrin Twonky Media Server, pilih **Basic Setup** dan **First Steps**.
↳ Skrin **First steps** dipaparkan.
- 4 Taipkan nama bagi pelayan media anda, dan kemudian klik **Save changes**.
- 5 Berbalik pada skrin Twonky Media, pilih **Basic Setup** dan **Sharing**.
↳ Skrin **Sharing** dipaparkan.
- 6 Semak imbas dan pilih folder untuk dikongsi, dan kemudian pilih **Save Changes**.
↳ Macintosh anda akan mengimbas folder semula secara automatik supaya ia kini sedia untuk dikongsi.

Mainkan fail daripada PC anda

Catatan

- Sebelum anda memainkan kandungan multimedia daripada komputer, pastikan SoundStage telah disambungkan kepada rangkaian rumah, dan perisian pelayan media telah disediakan dengan betul.

- 1 Tekan **↑**.
- 2 Pilih **[semak imbas PC]**, kemudian tekan **OK**.
↳ Penyemak imbas kandungan dipaparkan.
- 3 Pilih peranti pada rangkaian.
↳ Folder dalam peranti yang dipilih akan dipaparkan. Bergantung kepada pelayan media, nama foldernya mungkin berbeza.
 - Jika anda tidak dapat melihat folder ini, pastikan bahawa anda telah menayangkan perkongsian media pada peranti yang terpilih supaya kandungannya tersedia untuk dikongsi.
- 4 Pilih fail, kemudian tekan **OK**.
 - Sesetengah fail media mungkin tidak dapat dimainkan kerana isu keserasian. Semak format fail yang disokong oleh SoundStage anda.
- 5 Tekan butang-butang mainan untuk mengawal mainan (lihat 'Mainkan butang' di halaman 14).

Karaoke

Mainkan cakera Karaoke pada SoundStage anda dan nyanyilah mengikut muzik.


Apa yang anda perlukan

- Mikrofon Karaoke.
- Cakera Karaoke.

Catatan


- Untuk mengelakkan bunyi yang kuat dan tidak dijangka, turunkan kelantangan mikrofon kepada minimum sebelum anda menyambung mikrofon ke SoundStage anda.

Mainkan muzik karaoke.

- 1 Semasa memainkan cakera Karaoke, tekan .
↳ Menu pilihan dipaparkan.
- 2 Tekan **Butang navigasi** untuk memilih **[Karaoke]**, dan kemudian tekan **OK**.
↳ Menu persediaan karaoke akan dipaparkan.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) dan **OK** untuk memilih tetapan berikut:
 - **[Mikrofon]**: Hidupkan atau matikan mikrofon.
 - **[Kelantangan mikrofon]**: Ubah kelantangan mikrofon.
 - **[Gema]**: Laraskan tahap gema.
 - **[Kunci]**: Ubah nada agar sepadan dengan suara anda.
 - **[Sokongan vokal]**: Pilih mod audio, atau hidup atau matikan vokal.


Pilih bunyi

Bahagian ini membantu anda memilih bunyi yang sempurna untuk video atau muzik anda.

- 1 Tekan .
- 2 Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk mengakses pilihan bunyi pada paparan.


Pilihan bunyi	Perihalan
[Keliling]	Pilih bunyi keliling atau bunyi stereo.
[Bunyi]	Pilih mod bunyi.
[Audio sync]	Tunda audio agar sepadan dengan video.

Pilihan bunyi	Perihalan
[Kelantangan automatik]	Kurangkan perubahan mengejut dalam kelantangan, contohnya, semasa iklan TV.

- 3 Buat pilihan, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan  untuk keluar:
 - Jika anda tidak menekan sebarang butang selama satu minit, menu akan keluar secara automatik.


Mod bunyi surround

Alami pengalaman audio perendaman dengan mod bunyi surround.

- 1 Tekan .
- 2 Pilih **[Keliling]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk memilih tetapan daripada paparan anda:
 - **[Auto]**: Bunyi keliling berdasarkan strim audio.
 - **[Virtual Surround]**: Keliling maya.
 - **[Stereo]**: Bunyi stereo 2 saluran. Sesuai untuk mendengar muzik.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Mod bunyi

Pilih mod bunyi yang dipratetapkan untuk disesuaikan dengan video atau muzik anda.

- 1 Pastikan bahawa pasca pemprosesan audio didayakan pada pembesar suara (lihat 'Tetapan pembesar suara' di halaman 27).
- 2 Tekan .
- 3 Pilih **[Bunyi]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk memilih tetapan pada paparan:
 - **[Auto]**: Pilih bunyi secara automatik berdasarkan strim bunyi.
 - **[Seimbang]**: Alami bunyi asal wayang dan muzik anda, tanpa kesan bunyi tambahan.

- **[Berkuasa]:** Nikmati bunyi arked yang menyeronokkan, yang ideal untuk permainan video penuh aksi atau parti yang lantang.
- **[Cerah]:** Hidupkan wayang dan muzik yang membosankan dengan kesan bunyi tambahan.
- **[Jelas]:** Dengari setiap butiran dalam muzik anda dan suara yang jelas dalam wayang anda.
- **[Hangat]:** Alami perkataan yang dituturkan dan vokal muzik dalam suasana selesa.
- **[Peribadi]:** Peribadikan bunyi mengikut kesukaan anda.

5 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Penyama

Tukar tetapan frekuensi tinggi (trebel), frekuensi pertengahan (mid), dan frekuensi rendah (bes) SoundStage.

- 1 Tekan **≡**.
- 2 Pilih **[Bunyi]** > **[Peribadi]**, lalu tekan **Butang navigasi** (kanan).
- 3 Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk menukar frekuensi bas, mid atau trebel.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Kelantangan auto

Hidupkan kelantangan auto untuk mengurangkan perubahan mengejut pada kelantangan, contohnya, semasa iklan TV.

- 1 Tekan **≡**.
- 2 Pilih **[Kelantangan automatik]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **Butang navigasi** (naik/turun) untuk memilih **[Hidup]** atau **[Mati]**.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

6 Tukar tetapan

Tetapan SoundStage telah dikonfigurasi untuk prestasi optimum. Melainkan anda mempunyai sebab untuk menukar tetapan, kami syorkan anda mengekalkan tetapan lalai.

≡ Catatan

- Anda tidak boleh mengubah tetapan yang telah dikelabukan.
- Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **↶**. Untuk keluar daripada menu, tekan **⬆**.

Tetapan bahasa

- 1 Tekan **⬆**.
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Keutamaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - **[Bahasa menu]:** Pilih bahasa paparan untuk menu.
 - **[Audio]:** Pilih bahasa audio untuk cakera.
 - **[Susun atur kekunci]:** Pilih papan kekunci dalam bahasa anda.
 - **[Sari kata]:** Pilih bahasa sari kata untuk cakera.
 - **[Menu cakera]:** Pilih bahasa menu untuk cakera.

≡ Catatan

- Jika bahasa cakera yang anda kehendaki tidak tersedia, pilih **[Lain-lain]** pada senarai dan masukkan kod bahasa 4 digit yang boleh didapati pada penghujung manual pengguna ini (lihat 'Kod bahasa' di halaman 38).
- Jika anda memilih bahasa yang tidak tersedia pada cakera, SoundStage akan menggunakan bahasa lalai cakera.

Tetapan gambar dan video

- 1 Tekan **▲**.
- 2 Pilih [**Persediaan**], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [**Video**], kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - [**Tv type**]: Jika video tidak muncul dengan betul, pilih jenis TV (sistem warna).
 - [**Paparan TV**]: Pilih format gambar yang muat pada skrin TV.
 - [**Video HDMI**]: Pilih resolusi isyarat video yang keluar dari **HDMI OUT (ARC)** pada SoundStage anda. Untuk dapat menggunakan resolusi yang dipilih, pastikan TV anda menyokong resolusi tersebut.
 - [**HDMI Deep Color**]: Dapatkan dunia semula jadi pada skrin TV anda dengan memaparkan imej terang menggunakan berbilion warna. SoundStage anda mesti disambungkan ke TV berdaya Warna Pekat melalui kabel HDMI.
 - [**Tetapan gambar**]: Pilih tetapan warna yang dipraktakrif untuk paparan video.
 - [**Tonton video 3D**]: Tetapkan video HDMI untuk menyokong video 3D atau 2D.

Catatan

- Jika anda hendak menukar tetapan, pastikan bahawa TV menyokong tetapan baru ini.


Tetapan audio

- 1 Tekan **▲**.
- 2 Pilih [**Persediaan**], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [**Audio**], kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - [**Mod malam**]: Untuk mendengar dengan tenang, kurangkan kelantangan bunyi yang kuat pada SoundStage anda. Mod malam hanya tersedia dalam cakera DVD dan Blu-ray dengan trek bunyi Dolby Digital, Dolby Digital Plus, dan Dolby True HD.
 - [**Audio HDMI**]: Tetapkan format audio pada output HDMI.
 - [**Tetapan bunyi lalai**]: Kembali tetapan penyama bagi semua mod bunyi kepada nilai lalai.
 - [**Karaoke**]: Tetapkan tetapan karaoke.


Tetapan kawalan ibu bapa

- 1 Tekan **▲**.
- 2 Pilih [**Persediaan**], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [**Keutamaan**], kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - [**Tukar kata laluan**]: Tetapkan atau tukar kata laluan anda untuk akses kawalan ibu bapa. Jika anda tidak mempunyai kata laluan atau terlupa kata laluan anda, masukkan **0000**.
 - [**Kawalan ibu bapa**]: Hadkan akses kepada cakera yang dirakam dengan pengedaran umur. Untuk memainkan semua cakera, tanpa mengira pengedaran, pilih **8** atau [**Mati**].


Tetapan paparan

- 1 Tekan .
- 2 Pilih [**Persediaan**], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [**Keutamaan**], kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - [**Anjak sari kata automatik**]: Dayakan atau nyahdayakan pengalihan automatik kedudukan sari kata pada TV yang menyokong ciri ini.
 - [**Panel paparan**]: Tetapkan kecerahan paparan panel depan SoundStage.
 - [**VCD PBC**]: Dayakan atau nyahdayakan navigasi menu kandungan bagi cakera VCD dan SVCD dengan ciri Kawalan Main Balik.

Tetapan penjimatan tenaga

- 1 Tekan .
- 2 Pilih [**Persediaan**], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [**Keutamaan**], kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - [**Penyelamat skrin**]: Alihkan SoundStage kepada mod gambar skrin selepas 10 minit tanpa aktiviti.
 - [**Auto siap sedia**]: Alihkan SoundStage kepada siap sedia selepas 30 minit tanpa aktiviti. Pemasa ini berfungsi hanya apabila mainan cakera atau USB dijeda atau dihentikan.
 - [**Pemasa tidur**]: Tetapkan tempoh masa pemasa tidur supaya SoundStage dialih kepada siap sedia selepas tempoh masa yang ditentukan.

Tetapan pembesar suara


- 1 Tekan .
- 2 Pilih [**Persediaan**], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [**Lanjutan**], kemudian tekan **OK**.
- 4 Tekan **Butang navigasi** dan **OK** untuk memilih dan tukar:
 - [**Audio dipertingkatkan**]: Pilih [**Hidup**] untuk mendayakan pasca pemrosesan audio pada pembesar suara dan mendayakan tetapan karaoke (jika produk anda menyokong Karaoke). Untuk memainkan audio asal cakera ini, pilih [**Mati**].



Petua

- Dayakan pasca pemrosesan audio sebelum anda memilih mod suara yang dipraktakrif (lihat 'Mod bunyi' di halaman 24).

Kembalikan tetapan lalai

- 1 Tekan .
- 2 Pilih [**Persediaan**], kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih [**Lanjutan**] > [**Kembalikan tetapan lalai**], dan kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih [**OK**], dan kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan.
 - ↳ SoundStage anda diset semula kepada tetapan lalainya kecuali bagi tetapan tertentu seperti kawalan ibu bapa dan kod pendaftaran DivX VoD.

7 Kemas kinikan perisian

Philips sentiasa cuba untuk memperbaiki produk-produknya. Untuk mendapatkan ciri dan sokongan terbaik, kemas kini SoundStage anda dengan perisian yang terkini.

Bandingkan versi perisian semasa anda dengan versi terkini pada www.philips.com/support. Jika versi semasa adalah lebih rendah daripada versi terbaru yang tersedia di laman web sokongan Philips, naik taraf SoundStage anda dengan perisian terkini.



Awas

- Jangan pasang versi perisian yang lebih rendah daripada versi semasa yang dipasang pada produk anda. Philips tidak bertanggungjawab terhadap masalah yang disebabkan oleh turun taraf perisian.

Semak versi perisian

Semak versi perisian semasa yang dipasang pada SoundStage anda.

- 1 Tekan **▲**.
- 2 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 3 Pilih **[Lanjutan]** > **[Maklumat versi]**.
↳ Versi perisian dipaparkan.

Kemas kini perisian melalui USB

Apa yang anda perlukan

- Pemacu denyar USB yang diformatkan FAT atau NTFS, dengan sekurang-kurangnya 256MB memori. Jangan gunakan pemacu keras USB.
- Komputer dengan akses kepada Internet.
- Utiliti arkib yang menyokong format fail ZIP.

Langkah 1: Muat turun perisian terkini

- 1 Sambungkan peranti denyar USB kepada komputer anda.
- 2 Pada penyemak imbas Web anda, pergi ke www.philips.com/support.
- 3 Di laman web Sokongan Philips, dapatkan produk anda dan cari **Perisian dan pemacu**.
↳ Kemas kini tersedia dalam bentuk fail zip.
- 4 Simpan fail zip dalam direktori induk peranti denyar USB anda.
- 5 Gunakan utiliti arkib untuk mengekstrak fail kemas kini perisian dalam direktori induk.
↳ Fail diekstrak di bawah folder **UPG** dalam pemacu denyar USB anda.
- 6 Tanggalkan peranti denyar USB daripada komputer anda.

Langkah 2: Kemas kini perisian




Awas

- Jangan matikan SoundStage atau tanggalkan pemacu denyar USB sepanjang kemas kini.

- 1 Sambungkan pemacu denyar USB yang mengandungi fail yang dimuat turun ke SoundStage anda.
 - Pastikan ruang cakera ditutup dan tiada cakera di dalamnya.
- 2 Tekan **▲**.
- 3 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih **[Lanjutan]** > **[Kemas kini perisian]** > **[USB]**.
- 5 Ikuti arahan atas skrin untuk mengesahkan kemas kini.
↳ Proses mengemas kini mengambil masa kira-kira 5 minit untuk selesai.

Kemas kini perisian melalui internet

- 1 Sambungkan SoundStage anda ke rangkaian rumah dengan akses Internet berkelajuan tinggi. (lihat 'Sambung dan sediakan' di halaman 8)
- 2 Tekan .
- 3 Pilih **[Persediaan]**, kemudian tekan **OK**.
- 4 Pilih **[Lanjutan] > [Kemas kini perisian] > [Rangkaian]**.
 - ↳ Jika naik taraf media dikesan, anda digesa untuk memulakan atau membatalkan kemas kini.
 - ↳ Memuat turun menaik taraf fail mungkin mengambil masa yang lama, bergantung pada keadaan rangkaian rumah anda.
- 5 Ikuti arahan atas skrin untuk mengesahkan kemas kini.
 - ↳ Proses mengemas kini mengambil masa kira-kira 5 minit untuk selesai.
 - ↳ Apabila selesai, SoundStage akan dimatikan dan bermula semula secara automatik. Jika tidak, tanggalkan kord kuasa buat beberapa saat dan kemudian sambungkan kembali.













8 Spesifikasi produk

Catatan

- Spesifikasi dan reka bentuk tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

Kod rantau

Plat jenis pada bahagian bawah atau belakang SoundStage menunjukkan rantau yang disokongnya.

Negara	DVD	BD
Eropah, United Kingdom		
Asia Pasifik, Taiwan, Korea		
Amerika Latin		
Australia, New Zealand		
Russia, India		
China		

Format media

- AVCHD, BD, BD-R/ BD-RE, BD-Video, DVD-Video, DVD+R/RW, DVD-R/RW, DVD+R-R DL, CD-R/CD-RW, Audio CD, Video CD/SVCD, Fail gambar; Media MP3, Media WMA, Media DivX Plus HD, Peranti storan USB

Format fail

- Audio:
 - .aac, .mka, .mp3, .wma, .wav, .mp4, .m4a, .flac, .ogg
 - RMVB (Tersedia hanya di Asia Pasifik dan China)
- Video:
 - .avi, .divx, .mp4, .m4v, .mkv, .asf, .wmv, .m2ts, .mpg, .mpeg, .flv, .3gp
 - .rmvb, .rm, rv (Tersedia hanya di Asia Pasifik dan China)
- Gambar: .jpg, .jpeg, .jpe, .gif, .png

Bluetooth

- Profil Bluetooth: A2DP, AVRCP
- Versi Bluetooth: 2.1 + EDR

Format audio

SoundStage anda menyokong fail audio berikut.

(fail .ra hanya disokong di Asia Pasifik dan China)

Sam-bungan	Bekas	Kodek audio	Kadar bit
MP3	MP3	MP3	Sehingga 320 kbps
.wma	ASF	WMA	Sehingga 192 kbps
.aac	AAC	AAC, HE-AAC	Sehingga 192 kbps
.wav	WAV	PCM	27.648 Mbps
.m4a	MKV	AAC	192 kbps
.mka	MKA	PCM	27.648 Mbps
		Dolby Digital	640 kbps
		Teras DTS	1.54 Mbps
		MPEG	912 kbps
		MP3	Sehingga 320 kbps
		WMA	Sehingga 192 kbps
		AAC, HE-AAC	Sehingga 192 kbps

Sam-bungan	Bekas	Kodek audio	Kadar bit
.ra	RM	AAC, HE-AAC	Sehingga 192 kbps
		Masak	96469 bps
.flac	FLAC	FLAC	Sehingga 24 bps
.ogg	OGG	Vorbis	Kadar bit berubah-ubah, saiz blok maksimum 4096
		MP3	Sehingga 320 kbps

Format video

Jika anda mempunyai TV definisi tinggi, SoundStage anda akan membolehkan anda memainkan fail video anda dengan:

- Resolusi: 1920 x 1080 piksel pada
- Kadar bingkai: 6 ~ 30 bingkai per saat.

Fail .avi dalam bekas AVI

Kodek audio	Kodek video	Kadar bit
PCM, Dolby Digital, Teras	DivX 3.11, DivX 4.x, DivX 5.x, DivX 6.x	Maksimum 10Mbps
DTS, MP3, WMA	MPEG 1, MPEG 2	40 Mbps
	MPEG 4 SP / ASP	38.4 Mbps
	H.264/AVC sehingga HiP@4.2	25 Mbps
	WMV9	45 Mbps

Fail .divx dalam bekas AVI

Kodek audio	Kodek video	Kadar bit
PCM, Dolby Digital, MP3, WMA	DivX 3.11, DivX 4.x, DivX 5.x, DivX 6.x	Maksimum 10Mbps

Fail .mp4 atau .m4v dalam bekas MP4

Kodek audio	Kodek video	Kadar bit
Dolby Digital, MPEG, MP3, AAC, HE-AAC, Dolby Digital Plus	MPEG 1, MPEG 2	40 Mbps
	MPEG 4 ASP	38.4 Mbps
	H.264/AVC HiP@4.2	25 Mbps

Fail .mkv dalam bekas MKV

Kodek audio	Kodek video	Kadar bit
PCM, Dolby Digital, Teras DTS, MPEG, MP3, WMA, AAC, HE-AAC, Dolby Digital Plus	DivX Plus HD	30 Mbps
	MPEG 1, MPEG 2	40 Mbps
	MPEG 4 ASP	38.4 Mbps
	H.264/AVC HiP@4.2	25 Mbps
	WMV9	45 Mbps

Fail .m2ts dalam bekas MKV

Kodek audio	Kodek video	Kadar bit
PCM, Dolby Digital, Teras DTS, MPEG, MP3, WMA, AAC, HE-AAC, Dolby Digital Plus	MPEG 1, MPEG 2	40 Mbps
	MPEG 4 ASP	38.4 Mbps
	H.264/AVC HiP@4.2	25 Mbps
	WMV9	45 Mbps

Fail .asf dalam bekas ASF

Kodek audio	Kodek video	Kadar bit
Dolby Digital, MP3, WMA, Dolby Digital Plus	MPEG 4 ASP	38.4 Mbps
	H.264/AVC HiP@4.2	25 Mbps
	WMV9	45 Mbps

Fail .mpg dan .mpeg dalam bekas PS

Kodek audio	Kodek video	Kadar bit
PCM, teras DTS, MPEG, MP3	MPEG 1, MPEG 2	40 Mbps

Fail .flv dalam bekas FLV

Kodek audio	Kodek video	Kadar bit
MP3, AAC	H.264/AVC sehingga HiP@4.2	25 Mbps
	H.263	38.4 Mbps

Fail .3gp dalam bekas 3GP

Kodek audio	Kodek video	Kadar bit
AAC, HE-AAC	MPEG 4 ASP	38.4 Mbps
	H.264/AVC sehingga HiP@4.2	25 Mbps maksimum

Fail .rm, .rv dan .rmvb dalam bekas RM (Tersedia hanya di Asia Pasifik dan China)

Kodek audio	Kodek video	Kadar bit
AAC, COOK	RV30, RV40	40 Mbps

Amplifier

- Jumlah kuasa output:
80W RMS (10% THD)
- Respons frekuensi: 20 Hz-20 kHz / ± 3 dB
- Nisbah isyarat-hingar: > 65 dB (CCIR) / (diberatkan A)
- Kepekaan input:
 - AUX: 2 V rms
 - AUDIO IN: 1 V rms

Video

- Sistem isyarat: PAL / NTSC
- Output HDMI: 480i/576i, 480p/576p, 720p, 1080i, 1080p, 1080p24

Audio

- Input audio S/PDIF Digital:
 - Sepaksi: IEC 60958-3
 - Optik: TOSLINK
- Frekuensi pensampelan:
 - MP3: 32 kHz, 44.1 kHz, 48 kHz
 - WMA: 44.1 kHz, 48 kHz
- Kadar bit tetap:
 - MP3: 32 kbps - 320 kbps
 - WMA: 48 kbps - 192 kbps

Radio

- Julat penalaan:
 - Eropah/Rusia/China:
FM 87.5-108 MHz (50 kHz)
 - Asia Pasifik/Amerika Latin:
FM 87.5-108 MHz (50/100 kHz)
- Nisbah isyarat ke bunyi: FM 50 dB
- Respons frekuensi:
FM 180 Hz-12.5 kHz / ± 3 dB

USB

- Kecerahan: USB Kelajuan tinggi (2.0)
- Sokongan kelas: Kelas Penyimpanan Massa USB (MSC)
- Sistem fail: FAT16, FAT32, NTFS
- Port USB: 5V $\overline{=}$, 1A

Unit utama

- Bekalan kuasa: 110-240V \sim , 50-60 Hz
- Penggunaan kuasa: 40 W
- Penggunaan kuasa siap sedia: ≤ 0.5 W
- Dimensi (L x T x D): 701 x 78 x 317 mm
- Berat: 6.8 kg
- Suhu pengendalian dan kelembapan: 0°C hingga 45°C, 5% hingga 90% kelembapan bagi semua iklim
- Suhu dan kelembapan ruang penyimpanan: -40°C hingga 70°C, 5% hingga 95%

Pembesar Suara

- Kuasa output: 2 x 20 W RMS (10% THD)
- Impedans pembesar suara: 4 ohm
- Pemacu pembesar suara: 2 x trek lumba (1.5" x 5") + 2 x 1" twiter

Subwufur

- Kuasa output: 40 W RMS (10% THD)
- Impedans: 4 ohm
- Pemacu pembesar suara: wufur 105mm (4")

Bateri alat kawalan jauh

- 2 x AAA-R03-1.5 V

Laser

- Jenis Laser (Diod): InGaN/AlGaIn (BD), AlGaInP (DVD/CD)
- Panjang gelombang: 405 ±7 nm (BD), 660 ±10 nm (DVD), 785 ±10 nm (CD)
- Kuasa output (Maksimum pengedaran): 20mW (BD), 6mW (DVD), 7mW (CD)

9 Menyelesaikan masalah



Amaran

- Risiko kejutan elektrik. Jangan keluarkan sarung produk ini.

Supaya jaminan tetap sah, jangan cuba baiki sistem ini sendiri.

Jika anda mempunyai masalah menggunakan produk ini, periksa perkara yang berikut sebelum anda memohon perkhidmatan. Jika anda masih mempunyai masalah, dapatkan sokongan di www.philips.com/support.

Unit utama

Butang pada SoundStage tidak berfungsi.


- Putuskan sambungan SoundStage daripada bekalan kuasa selama beberapa minit, kemudian sambungkan semula.
- Pastikan permukaan butang sentuhan tidak bersentuh dengan sebarang bahan beraliran, seperti titisan air, logam, dsb.

Gambar

Tiada gambar.

- Pastikan TV ditukar ke sumber yang betul bagi SoundStage ini.

Tiada gambar pada TV yang bersambung melalui HDMI.

- Pastikan anda menggunakan kabel HDMI Berkelajuan Tinggi untuk menyambungkan SoundStage dan TV. Sesetengah kabel HDMI standard tidak memaparkan imej tertentu, video 3D, atau Deep Color dengan betul.
- Pastikan kabel HDMI tidak rosak. Jika ia rosak, ganti dengan kabel baru.
- Tekan  lalu **731** pada alat kawalan jauh untuk mengembalikan resolusi lalai bagi gambar.

- Tukar tetapan video HDMI, atau tunggu selama 10 saat untuk pemulihan automatik (lihat 'Tetapan gambar dan video' di halaman 26).

Cakera tidak memainkan video definisi tinggi.

- Pastikan cakera mengandungi video definisi tinggi.
- Pastikan sokongan TV mengandungi video definisi tinggi.
- Gunakan kabel HDMI untuk menyambung kepada TV.

Bunyi

Tiada bunyi daripada SoundStage.

- Sambungkan kabel audio daripada SoundStage anda ke TV anda atau peranti lain. Bagaimanapun, anda tidak memerlukan sambungan audio yang berasingan apabila SoundStage dan TV disambungkan menerusi sambungan **HDMI ARC**.
- Sediakan audio bagi peranti yang bersambung (lihat 'Sediakan audio' di halaman 12).
- Tetapkan semula SoundStage anda kepada tetapan kilang (lihat 'Kembalikan tetapan lalai' di halaman 27), matikannya lalu hidupkannya semula.
- Pada SoundStage anda, tekan **SOURCE** berulang kali untuk memilih input audio yang betul.

Bunyi atau gema terherot.

- Jika anda memainkan audio daripada TV melalui SoundStage, pastikan TV dibisukan.

Audio dan video tidak segerak.

- 1) Tekan **ff**.
- 2) Tekan **Butang navigasi** (kiri/kanan) untuk memilih **[Audio sync]**, dan kemudian tekan **OK**.
- 3) Tekan **Butang navigasi** (atas/bawah) untuk menyegerak audio dengan video.

Main

Tidak dapat memainkan cakera.

- Bersihkan cakera.
- Pastikan bahawa SoundStage menyokong jenis cakera (lihat 'Format media' di halaman 29).
- Pastikan bahawa SoundStage menyokong kod rantau jenis cakera (lihat 'Kod rantau' di halaman 29).
- Jika cakera adalah cakera DVD±RW atau DVD±, pastikan ia diselesaikan.

Tidak dapat memainkan fail DivX.

- Pastikan bahawa fail DivX dikodkan menurut 'Profil Teater Rumah' dengan pengekod DivX.
- Pastikan fail DivX adalah lengkap.

DivX tidak dipaparkan dengan betul.

- Pastikan nama fail sari kata sama dengan nama fail filem.
- Pilih set aksara yang betul:
 - 1) Tekan **≡**.
 - 2) Pilih **[Set aksara]**.
 - 3) Pilih set aksara yang disokong.
 - 4) Tekan **OK**.

Tidak dapat membaca kandungan peranti storan USB.

- Pastikan bahawa format peranti storan USB serasi dengan SoundStage ini.
- Pastikan bahawa sistem fail pada peranti storan USB disokong oleh SoundStage.

Tanda 'Tiada entri' atau 'x' muncul pada TV.

- Operasi tidak boleh dijalankan.

EasyLink tidak berfungsi.

- Pastikan bahawa SoundStage telah disambungkan ke TV EasyLink berjenama Philips dan pilihan EasyLink dihidupkan.
- Untuk TV dari pengilang lain, HDMI CEC mungkin dipanggil dengan nama lain. Periksa manual pengguna mengenai cara untuk mendayakannya.

Apabila anda menghidupkan TV, SoundStage akan dihidupkan secara automatik.

- Tingkah laku ini adalah normal apabila anda menggunakan Philips EasyLink (HDMI-CEC). Untuk memastikan SoundStage berfungsi secara bebas, matikan EasyLink.

Saya tidak dapat mengakses ciri BD-Live.

- Pastikan bahawa SoundStage telah disambungkan ke rangkaian.
- Pastikan bahawa rangkaian telah disediakan.
- Pastikan bahawa cakera Blu-ray menyokong ciri BD-Live.
- Kosongkan storan memori (lihat 'BD-Live pada Blu-ray' di halaman 15).

Video 3D saya dimainkan dalam mod 2D.

- Pastikan bahawa SoundStage anda telah disambungkan ke TV 3D melalui kabel HDMI.
- Pastikan bahawa cakera adalah cakera Blu-ray 3D, dan pilihan Blu-ray video 3D telah dihidupkan (lihat 'BD-Live pada Blu-ray' di halaman 15).

Skrin TV menjadi hitam apabila anda memainkan video 3D Blu-ray atau video dilindungi salin DivX.

- Pastikan bahawa SoundStage telah disambungkan ke TV melalui kabel HDMI.
- Tukar kepada sumber HDMI yang betul pada TV.

Tidak dapat muat turun video daripada kedai video dalam talian.

- Pastikan bahawa SoundStage anda telah disambungkan ke TV melalui kabel HDMI.
- Pastikan peranti storan USB yang diformatkan mempunyai memori yang cukup untuk muat turun video.
- Pastikan bahawa anda telah membuat bayaran bagi video, dan ia dalam tempoh sewaan.
- Pastikan rangkaian sambungan adalah baik.
- Lawati laman web kedai video untuk maklumat lanjut.

Bluetooth

Peranti tidak boleh disambungkan ke SoundStage.

- Peranti tidak menyokong profil serasi yang diperlukan untuk SoundStage.
- Anda belum mendayakan fungsi Bluetooth peranti. Lihat manual pengguna peranti mengenai cara untuk mendayakan fungsi.
- Peranti tidak disambungkan dengan betul. Sambungkan peranti dengan betul (lihat 'Mainkan audio menerusi Bluetooth' di halaman 15).
- SoundStage telah disambungkan dengan peranti Bluetooth yang lain. Putuskan peranti yang disambungkan, kemudian cuba lagi.

Kualiti audio yang dimainkan daripada peranti Bluetooth yang disambungkan lemah.

- Penerimaan Bluetooth lemah. Alihkan peranti lebih dekat dengan SoundStage atau alihkan sebarang halangan di antara peranti dengan SoundStage.

Sambungan pada peranti Bluetooth yang disambungkan sentiasa bersambung dan terputus.

- Penerimaan Bluetooth lemah. Alihkan peranti lebih dekat dengan SoundStage atau alihkan sebarang halangan di antara peranti dengan SoundStage.
- Matikan fungsi Wi-Fi pada peranti Bluetooth untuk mengelakkan gangguan.
- Bagi beberapa Bluetooth, sambungan Bluetooth boleh dinyahaktifkan secara automatik untuk menjimatkan kuasa. Ini tidak menunjukkan sebarang malfungsi pada SoundStage.

10 Notis

Bahagian ini mengandungi notis undang-undang dan tanda dagangan.

Hak cipta



Produk ini mengandungi teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh paten A.S. dan hak harta intelek lain Rovi Corporation. Kejuruteraan undur dan penyahhimpunan adalah dilarang.

Produk ini termasuk teknologi proprietari dengan kebenaran daripada Verance Corporation dan dilindungi oleh Paten AS 7,369,677 dan paten seluruh dunia lain yang telah dikeluarkan dan yang belum selesai, di samping perlindungan hak cipta dan rahsia dagangan bagi aspek tertentu teknologi tersebut. Cinavia adalah tanda dagangan Verance Corporation. Hak Cipta 2004-2013 Verance Corporation. Semua hak terpelihara bagi Verance. Kejuruteraan balikan atau pembukaan pemasangan adalah dilarang.

Notis Cinavia

Produk ini menggunakan teknologi Cinavia untuk menghadkan penggunaan salinan tanpa izin beberapa filem dan video serta trek bunyinya yang diterbitkan secara dagangan. Apabila penggunaan salinan yang dilarang dikesan, mesej akan dipaparkan dan main semula atau penyalinan akan terganggu. Maklumat lanjut mengenai teknologi Cinavia ada disediakan oleh Pusat Maklumat Pengguna Cinavia Dalam Talian di <http://www.cinavia.com>. Untuk memohon maklumat tambahan mengenai Cinavia melalui pos, hantarkan poskad berserta alamat pos anda ke: Cinavia Consumer Information Center, P.O. Box 86851, San Diego, CA, 92138, USA.

Perisian sumber terbuka

Philips Electronics Singapore dengan ini menawarkan untuk menghantar, apabila diminta, salinan kod sumber lengkap yang sepadan bagi pakej perisian sumber terbuka berhak cipta yang digunakan dalam produk ini yang baginya penghantaran seumpama ini diminta oleh lesen yang berkaitan. Tawaran ini sah sehingga tiga tahun selepas pembelian produk kepada sesiapa yang menerima maklumat ini. Untuk mendapatkan kod sumber, sila hantarkan permintaan anda dalam bahasa Inggeris dengan jenis produk kepada open.source@philips.com. Jika anda tidak mahu menggunakan e-mel atau jika anda tidak menerima pengesahan penerimaan dalam masa 2 minggu selepas menulis ke alamat e-mel ini, sila hantarkan surat dalam bahasa Inggeris kepada "Open Source Team, Philips Intellectual Property & Standards, P.O. Box 220, 5600 AE Eindhoven, The Netherlands". Jika anda tidak menerima pengesahan penerimaan surat anda pada masa yang sepatutnya, sila hantar e-mel ke alamat e-mel di atas. Teks untuk lesen dan perakuan bagi perisian sumber terbuka yang digunakan dalam produk ini disertakan pada risalah berasingan.

Tanda dagangan



"Blu-ray 3D™" dan logo "Blu-ray 3D™" adalah tanda dagangan Blu-ray Disc Association.



'DVD Video' adalah tanda dagangan DVD Format/Logo Licensing Corporation.



BONUSVIEW™

'BD LIVE' dan 'BONUSVIEW' adalah tanda dagangan Persatuan Blu-ray Disc.



Bagi paten DTS, lihat <http://patents.dts.com>. Dikilangkan di bawah lesen daripada DTS Licensing Limited. DTS, Simbol, & DTS dan Simbol bersama-sama ialah tanda dagangan berdaftar dan DTS 2.0+Digital Out ialah tanda dagangan DTS, Inc. © DTS, Inc. SEMUA Hak Terpelihara.



Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.



TENTANG DIVX VIDEO: DivX® adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, LLC, subsidiari Rovi Corporation. Ini adalah peranti rasmi DivX Certified® yang memainkan video DivX. Lawati www.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut dan alat perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX. MENGENAI VIDEO ATAS PERMINTAAN DIVX: Peranti DivX Certified® ini mestilah didaftarkan sebelum ia dapat memainkan filem Video atas Permintaan (VOD) DivX. Untuk mendapatkan kod pendaftaran anda, cari bahagian DivX VOD dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke vod.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara menyelesaikan pendaftaran anda. DivX Certified® untuk mainkan video DivX® dan DivX Plus® HD (H.264/MKV) sehingga 1080p HD termasuk kandungan premium.

DivX®, DivX Certified®, DivX Plus® HD dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan Rovi Corporation atau subsidiarinya dan digunakan di bawah lesen.



HDMI, dan logo HDMI, dan High-Definition Multimedia Interface adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar LLC melesenkan HDMI di Amerika Syarikat dan negara-negara lain.



Tanda perkataan dan logo Bluetooth® adalah tanda dagangan berdaftar yang dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. dan sebarang penggunaan tanda seperti itu oleh Philips adalah di bawah lesen. Tanda dagangan dan nama dagangan yang lain adalah milik pemilik masing-masing.



N-Mark ialah tanda dagangan NFC Forum, Inc. di Amerika Syarikat dan di negara lain.



11 Kod bahasa

Abkhazian	6566	Inupiaq	7375	Pushto	8083
Afar	6565	Irish	7165	Russian	8285
Afrikaans	6570	Íslenska	7383	Quechua	8185
Amharic	6577	Italiano	7384	Raeto-Romance	8277
Arabic	6582	Ivrit	7269	Romanian	8279
Armenian	7289	Japanese	7465	Rundi	8278
Assamese	6583	Javanese	7486	Samoan	8377
Avestan	6569	Kalaallisut	7576	Sango	8371
Aymara	6589	Kannada	7578	Sanskrit	8365
Azerhijani	6590	Kashmiri	7583	Sardinian	8367
Bahasa Melayu	7783	Kazakh	7575	Serbian	8382
Bashkir	6665	Kernewek	7587	Shona	8378
Belarusian	6669	Khmer	7577	Shqip	8381
Bengali	6678	Kinyarwanda	8287	Sindhi	8368
Bihari	6672	Kirghiz	7589	Sinhalese	8373
Bislama	6673	Komi	7586	Slovensky	8373
Bokmål, Norwegian	7866	Korean	7579	Slovenian	8376
Bosanski	6683	Kuanyama; Kwanyama	7574	Somali	8379
Brezhoneg	6682	Kurdish	7585	Sotho; Southern	8384
Bulgarian	6671	Lao	7679	South Ndebele	7882
Burmese	7789	Latina	7665	Sundanese	8385
Castellano, Español	6983	Latvian	7686	Suomi	7073
Catalán	6765	Letzeburgesch;	7666	Swahili	8387
Chamorro	6772	Limburgan; Limburger	7673	Swati	8383
Chechen	6769	Lingala	7678	Svenska	8386
Chewa; Chichewa; Nyanja	7889	Lithuanian	7684	Tagalog	8476
中文	9072	Luxembourgish;	7666	Tahitian	8489
Chuang; Zhuang	9065	Macedonian	7775	Tajik	8471
Church Slavic; Slavonic	6785	Malagasy	7771	Tamil	8465
Chuvash	6786	Magyar	7285	Tatar	8484
Corsican	6779	Malayalam	7776	Telugu	8469
Česky	6783	Maltese	7784	Thai	8472
Dansk	6865	Manx	7186	Tibetan	6679
Deutsch	6869	Maori	7773	Tigrinya	8473
Dzongkha	6890	Marathi	7782	Tonga (Tonga Islands)	8479
English	6978	Marshallese	7772	Tsonga	8483
Esperanto	6979	Moldavian	7779	Tswana	8478
Estonian	6984	Mongolian	7778	Türkçe	8482
Euskara	6985	Nauru	7865	Türkmen	8475
Ελληνικά	6976	Navaho; Navajo	7886	Twi	8487
Faroese	7079	Ndebele, North	7868	Uighur	8571
Français	7082	Ndebele, South	7882	Ukrainian	8575
Frysk	7089	Ndonga	7871	Urdu	8582
Fijian	7074	Nederlands	7876	Uzbek	8590
Gaelic; Scottish Gaelic	7168	Nepali	7869	Vietnamese	8673
Gallegan	7176	Norsk	7879	Volapuk	8679
Georgian	7565	Northern Sami	8369	Walloon	8765
Gikuyu; Kikuyu	7573	North Ndebele	7868	Welsh	6789
Guarani	7178	Norwegian Nynorsk;	7878	Wolof	8779
Gujarati	7185	Occitan; Provençal	7967	Xhosa	8872
Hausa	7265	Old Bulgarian; Old Slavonic	6785	Yiddish	8973
Herero	7290	Oriya	7982	Yoruba	8979
Hindi	7273	Oromo	7977	Zulu	9085
Hiri Motu	7279	Ossetian; Ossetic	7983		
Hrwatski	6779	Pali	8073		
Ido	7379	Panjabi	8065		
Interlingua (International)	7365	Persian	7065		
Interlingue	7365	Polski	8076		
Inuktitut	7385	Português	8084		

12 Indeks

A

alam sekitar	3
amplifier	32
animasi slaid	18
anjak sari kata automatik	27
audio daripada peranti lain	10
audio dipertingkatkan	27
Audio HDMI	26

B

bahasa audio	25
bahasa audio ke-2	15
bahasa cakera	25
bahasa menu	25
bahasa sari kata	25
bahasa sari kata ke-2	15
bateri	32
BD-Live	15
bunyi	24
bunyi keliling	24
butang kawalan (cakera)	14
butang kawalan (USB)	14

F

format fail	30
format media	29
format video	32

G

gambar dalam gambar	15
grid penaalaan	19

I

internet	12
----------	----

K

kawalan ibu bapa	26
kawalan jauh	5
kecerahan	27
kedudukan sari kata	27
kelantangan auto	25
keluarkan cakera	4
kemas kini perisian (melalui Internet)	29
keselamatan 3D	3
kitar semula	3
kocok	18
kod bahasa	38
kosongkan memori BD-Live	15

M

mainkan peranti storan USB	17
menu cakera	25
mod bunyi dipratakrif	24
mod malam	26

P

panel paparan	27
Paparan Bonus	15
pasca pemprosesan audio	27
PBC (play back control)	27
pelupusan	3
pemasa tidur	27
pencarisilapan (gambar)	33
pencarisilapan (main)	34
penyelesaian masalah (bunyi)	34
peranti penyimpanan USB	17
pilihan	17
pilihan audio	18
pilihan gambar	18
pilihan video	18

R

rangkaian	12
rangkaian berwayar	12
rangkaian rumah	12
resolusi gambar	26

S	
sambungan video (video komposit)	9
segerakkan gambar dan bunyi	14
siap sedia auto	27
Smart TV	20
spesifikasi pembesar suara	29

T	
tayangan slaid muzikal	18
tetapan audio	26
tetapan gambar	26
tetapan kilang	27
tetapan kuasa	27
tetapan lalai	27
tetapan lanjutan	27
tetapan video	26
tukar kata laluan	26

U	
ulang	18
unit utama	4

V	
VCD	27

W	
warna pekat	26



Specifications are subject to change without notice
© 2014 Koninklijke Philips N.V. All rights reserved.
Trademarks are the property of Koninklijke Philips N.V. or their respective owners.

HTB4150B_98_UM_V1.0

